

NO. SOALAN: 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' RAJA KAMARUL BAHRIN SHAH BIN  
RAJA AHMAD [KUALA TERENGGANU]**

**TARIKH : 15 NOV 2017**

**RUJUKAN : 10335**

**SOALAN :**

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad [Kuala Terengganu]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah persediaan tambahan bagi menghalang ancaman dan kemasukan ideologi pengganas serta pengaruh mereka dari Syria dan Iraq memasuki Malaysia memandangkan penglibatan mereka di timur tengah sudah berkurangan.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tahap keselamatan negara berada dalam keadaan baik dan terkawal daripada sebarang bentuk ancaman pengganas di dalam ataupun dari luar negara. Kerajaan melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa meningkatkan pemantauan bagi memastikan negara sentiasa berada dalam keadaan aman dan selamat serta bebas daripada ancaman keganasan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak menolak kemungkinan ancaman pengganas di luar negara akan merebak ke negara kita terutamanya oleh mereka yang pernah berada di kawasan berkonflik seperti Iraq dan Syria. Mengambil kira beberapa peristiwa serangan pengganas yang berlaku di dunia masa kini, kekalahan kumpulan Daesh di Syria serta implikasi daripada tindakan ofensif Kerajaan Indonesia, Thailand dan Filipina memerangi kumpulan pengganas secara besar-besaran di negara masing-masing telah mendorong Kerajaan mengambil beberapa langkah drastik dalam usaha mempertingkatkan lagi tahap keselamatan negara.

Antaranya adalah dengan meningkatkan kawalan keselamatan di lokasi-lokasi strategik negara seperti pusat-pusat tumpuan pelancong, pusat-pusat perniagaan komersial, kepentingan negara

asing dan sasaran-sasaran penting di seluruh negara. Kawalan keselamatan ini dibuat dengan menggunakan konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan iaitu kerjasama agensi-agensi keselamatan negara terutamanya oleh PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Anggota terlibat turut dilengkapi dengan senjata bagi meningkatkan keyakinan rakyat dan juga pelancong terhadap tahap keselamatan negara.

Pada masa yang sama, kawalan keselamatan di semua pintu masuk utama negara sama ada udara, darat mahupun laut turut dipertingkatkan termasuk di sepanjang sempadan negara. Kerajaan dari semasa ke semasa terus meningkatkan penguatkuasaan berdasarkan undang-undang yang sedang berkuat kuasa seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.

Selain itu, kerjasama antara PDRM dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga telah dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang. PDRM juga berusaha gigih bagi menyekat pengaruh dan ideologi Kumpulan IS daripada terus meresap ke dalam pemikiran rakyat di negara ini. Ini dapat dilihat daripada segi operasi tangkapan yang dilancarkan dari semasa ke semasa.